

AUDIT MOA 2018
LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH

ISO NH 2018
7TH INTERNATIONAL SEMINAR
ON NUSANTARA HERITAGE

CREATEPRO@2018
CREATIVE TRANSFER PROGRAM



ISI KANDUNGAN

DARI MEJA DEKAN mukasurat 2

DARI MEJA EDITOR mukasurat 3

ANUGERAH
YB MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA mukasurat 4

AUDIT MQA 2018
LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH mukasurat 5

5 KRITERIA UTAMA DALAM
MENGHASILKAN LOGO YANG BERKESAN mukasurat 6

XAD 2018
EXHIBITION & ASSESSMENT DAY mukasurat 7

CREATEPRO 2018
CREATIVE TRANSFER PROGRAM mukasurat 9

ISONH 2018 7TH INTERNATIONAL
SEMINAR ON NUSANTARA HERITAGE mukasurat 11

UNIT PENGURUSAN DOSH @ FTKW mukasurat 13

KAEDAH INOVATIF
PENGHASILAN PROSPEKTUS
IDEA PENYELIDIKAN & INOVASI mukasurat 15

TAKWIM 2019 mukasurat 17

MENYELAMI STAILISTIK
FILEM HANG TUAH (1956) mukasurat 19

ETAK SALAI MAKANAN
WARISAN TRADISI mukasurat 21

SECURITY OF
ELECTRONIC MAIL SYSTEM mukasurat 22

SEMINAR PROGRAFIK mukasurat 23

PERTANDINGAN
GRAFFITI ART CHALLENGE mukasurat 25

BENGKEL FOTOGRAFI mukasurat 26

PENGAJIAN SKRIN
21 FILEM PENDEK mukasurat 27

REID :
FURNITURE EXHIBITION mukasurat 29

PROGRAM
KEMBARA WARISAN mukasurat 30

KONSERVASI
WARISAN mukasurat 31

JELAJAH
WARISAN BUDAYA mukasurat 33



PEMBANGUNAN PELAJAR

AKADEMIK

INOVASI

Buletin FTKW BILANGAN 3



Oleh : Muhamad Izham Bin Zainulabidin

PENASIHAT

PM AHAMAD TARMIZI BIN AZIZAN
(DEKAN FTKW)

KETUA EDITOR

PN. WAN NURUL ASIKIN BINTI
WAN RAMLI
(PENSYARAH KOMUNIKASI VISUAL)

KREATIF EDITOR

EN. MUHAMAD IZHAM BIN
ZAINULABIDIN
(PENSYARAH KOMUNIKASI VISUAL)

EKSEKUTIF PRUF

DR. TENGKU FAUZAN BINTI
TENGKU ANUAR
(PENSYARAH KOMUNIKASI VISUAL)

PEN. PRUF

EN. MD ARIFF BIN
ARIFFIN
(PENSYARAH KOMUNIKASI VISUAL)

BAHAGIAN KREATIF

FARAH BT ABD SAMAD
(SETIAUSAHA)

NUR FAZIRAH BT SHAMSUDIN
NAZREEN SHAFIQAH BT ROSLAN
ANIS ALNURA BT ARSHAD
MAIZATUL NAJIAH BT MAHMUD
NOOR FARAHANA BT MOHD FADZIL
NURUL NADIAH BINTI KAMARUDDIN
NUR RABIATUL HIDAYAH BINTI AZAHAR

FOTOGRAFI

DARI PELBAGAI SUMBER

PELAJAR ELEKTIF KOMUNIKASI VISUAL

Kekerapan Penerbitan : 2 kali setahun
(Terbitan seterusnya pada bulan OGOS)

Unit Penerbitan FTKW
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan,
Beg Berkunci No.1,
16300 Bachok,
KELANTAN DARUL NAIM



BISMILLAHIRROHMANIRROHIM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam sejahtera dan salam sehati sejiwa ...

Alhamdulillah syukur ke hadrat illahi kerana diberi kesempatan buat kali ketiga saya berpeluang menyampaikan kata aluan bagi penerbitan Edisi ke 3 buletin Folio FTKW ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada pasukan editorial dan sidang redaksi bagi penerbitan buletin FTKW yang dikenali dengan nama FOLIO ini. Izinkan saya menyentuh asal idea dan sejarah penerbitan buletin Folio ini. Buletin ini pada asalnya adalah kompilasi informasi aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh warga FTKW dalam format penerbitan sehelai risalah yang penuh informasi di halaman hadapan dan halaman belakangnya. Ianya dimulakan oleh YBhg Prof Madya Ab Aziz Shuaib, Dekan Pengasas Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, UMK. Risalah dengan nama FOLIO ini diterbitkan pada setiap bulan sejak tahun 2008 di FTKW UMK. Pemilihan nama FOLIO dipilih oleh warga FTKW pada tahun 2008 kerana ianya memberikan refleksi kepada maksud istilah FOLIO dalam bidang seni visual, senibina, rekabentuk dan grafik. Pada ketika ini, sebilangan risalah telah diterbitkan dan turut digabungkan sehingga menjadi sebuah buletin yang lengkap. Merujuk kepada konteks bahasa, istilah folio merujuk kepada takrifan yang berikut :

The term "folio", from the Latin folium (leaf), has three interconnected but distinct meanings in the world of books and printing. It is firstly a term for a common method of arranging sheets of paper into book form, folding the sheet only once, and a term for a book made in this way. Secondly, it is a general term for a sheet, leaf or page in (especially) manuscripts and old books, and thirdly, an approximate term for the size of a book, and for a book of this size.

Berdasarkan penjelasan di atas dapat ditafsirkan Buletin FOLIO FTKW adalah merupakan kaedah umum mengatur lembaran kertas ke dalam bentuk buku yang mengandungi halaman dalam (terutama) berkaitan manuskrip, informasi bagi program dan aktiviti yang telah dilaksanakan dan

DARI MEJA DEKAN

Alhamdulillah, justeru sekiranya tahun 2008 diambil kira sebagai titik permulaan penerbitan buletin FOLIO ini, maka pada tahun 2019, buletin ini telah berusia 12 tahun. Ternyata sejarah penerbitan buletin telah lama dan telah menjadi sebahagian sejarah penubuhan FTKW dan UMK sendiri secara keseluruhannya. FOLIO edisi ketiga kali ini menampilkan pelbagai informasi dan aktiviti terkini yang berlaku di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) sepanjang tahun 2018. Buletin ini amat membantu warga FTKW untuk mempelajari pelbagai ilmu bagi pelaksanaan pelbagai aktiviti dan program di FTKW. Malahan, buletin ini menjadi rekod dokumentasi secara bertulis bagi merekodkan pencapaian dan penganjuran pelbagai aktiviti dan program oleh warga FTKW (staf, mahasiswa dan mahasiswi) bagi pembangunan dan perkembangan ilmu pengetahuan dalam bidang Teknologi Kreatif dan Warisan serta keusahawanan kreatif secara keseluruhannya.

Natijahnya, dalam konteks yang lebih luas, buletin FOLIO ini dapat dijadikan rujukan dan sebagai pemangkin semangat kepada seluruh warga FTKW khasnya para pemegang taruh untuk melakar kejayaan demi kejayaan dan secara tidak langsung menyumbang bakti kepada universiti serta membantu menaikkan nama FTKW di persada dunia. Saya juga yakin rekabentuk majalah FOLIO edisi ketiga ini juga berjaya memaparkan keupayaan sidang redaksi penerbitan FTKW dalam mempraktikkan dan mempamerkan daya kreativiti yang tinggi dan idea yang kreatif selaras dengan ilmu yang dipelajari di dalam bilik kuliah serta aktiviti luar kampus. Secara keseluruhannya, FOLIO edisi ketiga mempunyai rekabentuk yang dinamik dan kreatif seiringan dengan matlamat untuk melahirkan siswa siswi yang mempunyai daya kreativiti yang tinggi, tahniah dan syabas diucapkan.

Maka dalam kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga FTKW yang memberi sokongan kepada majalah penerbitan FTKW edisi ketiga ini dan berharap agar sokongan padu oleh semua warga FTKW ini dapat diteruskan lagi pada edisi yang akan datang dengan lebih banyak informasi mengenai FTKW dapat disalurkan melalui kecaknaan kita menyalurkan pelbagai informasi yang membuktikan kemahiran, kepakaran dan kehebatan warga FTKW UMK dalam penerbitan buletin FOLIO keluaran FTKW, UMK ini.

Sekian.

"PEMERKASAAN WARISAN MENERUSI TEKNOLOGI KREATIF
DAN KEUSAHAWANAN"

Prof Madya Ahmad Tarmizi Azizan

Dekan,

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

Asalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera...

DARI MEJA EDITOR

Syukur Alhamdulillah kehadiran illahi di atas kemunculan FOLIO yang seterusnya iaitu edisi ketiga majalah FTKW, perjuangan buletin FOLIO kali ini memberikan lebih banyak informasi yang berguna terhadap aktiviti didalam dan diluar kuliah tidak kira sama ada dari mahasiswa mahupun staff akademik dan bukan akademik.

Walaupun bagaimanapun semua warga kerja FOLIO sentiasa berusaha keras memberikan yang terbaik dalam penghasilan buletin FOLIO ini. Melalui buletin FOLIO ini juga, mahasiswa diberi pendedahan mengenai kejayaan yang dicipta oleh semua pensyarah, staff dan pelajar yang hebat. Penulisan yang berunsurkan nasihat dan juga panduan untuk berjaya dalam bidang kreatif oleh pensyarah yang berkaliber juga turut dimuatkan didalam FOLIO edisi ini yang boleh dijadikan garis panduan kepada mahasiswa untuk memperolehi kejayaan. Semoga mahasiswa dapat menjadikan kejayaan mereka sebagai inspirasi pada masa hadapan.

Saya akhiri ucapan ini dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga FTKW kerana di atas sokongan yang berterusan sehingga edisi terkini buletin FOLIO ini. Saya juga berharap buletin FOLIO dapat mengekalkan maklumat dan informasi yang benar untuk pembaca serta memberikan manfaat yang berguna untuk semua.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,
Wan Nurul Asikin Binti Wan Ramli
Ketua Unit Penerbitan FTKW UMK



1

NAMA PERTANDINGAN

Anugerah **KHAS YB MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

2

KATEGORI

ANUGERAH PENGALAMAN PEMBELAJARAN IMERSIF

3

SUB - KATEGORI

PENGALAMAN PEMBELAJARAN IMERSIF MAYA

4

TAJUK

INTERGRASI KURSUS BERASASKAN KEMAHIRAN DENGAN TEKNIK "MOOC IN MOOC" MELALUI MODEL REKABENTUK EDUTAINMENT KEPADA PEMBELAJARAN BERTERASKAN E-PROJEK (ePROJBL)

5

Dr. Anuar Mohd Yusof



Ketua

PM, Dr. Suria Baba



Ahli

PM, Ahamad Tarmizi Azizan



Ahli

Ts. Dr. Tan Tse Guan



Ahli

Mohammad Dzulyafiq Mohammad Yusoff



Ahli

Muhammad Najibul Muthie Che Yaacob



Ahli

6

AWARD YANG DIPEROLEH

JOHAN-PENGALAMAN PEMBELAJARAN IMERSIF MAYA

ABSTRAK

Teknik "MOOC in MOOC" digunakan untuk mengintegrasikan antara kursus berasaskan teori dan kursus berasaskan kemahiran. Kursus kemahiran penghasilan poster menggunakan Adobe Photoshop yang digunakan sebagai penilaian dengan memenuhi tiga hasil pembelajaran kursus tersebut sebagai petunjuk aras. Kursus ini adalah direka supaya menjadi "Learning Object" untuk kursus-kursus lain di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan seperti Kursus Komputer & Seni dan Kursus Komputer Grafik 2D sebagai perintis bagi teknik "MOOC in MOOC". "Learning Object" adalah pengetahuan dan kemahiran asas yang dapat diaplikasikan kepada kursus-kursus lain. Kursus berasaskan kemahiran merupakan kursus gunasama yang menawarkan kolaborasi bukan hanya kepada pelajar di dalam institusi tetapi juga kepada pelajar luar d. Aktiviti yang dijalankan dalam kursus ini telah direkabentuk dengan mengintegrasikan alatan Web 2.0 seperti Openlearning, Powtoon, Biteable, Goanimate, Coggle, Popplet, Canva, dan Google apps. Pembangunan modul mengambil kira modul rekabentuk edutainment bagi meningkatkan daya motivasi pelajar untuk menyiapkan modul-modul. Penambahan baik kemahiran Insaniah merangkumi kreativiti pelajar melalui pembelajaran berpusatkan pelajar dan pembelajaran melalui pengalaman. Karya pelajar boleh dihasilkan, dikongsi dan direfleksi secara berterusan. Kitaran penilaian alternatif secara berterusan digunakan bagi memantau dan menilai pelajar-pelajar tanpa peperiksaan digunakan. Hasil pelajar yang terbaik dijadikan penanda aras baharu kepada pengajar untuk membangunkan rubrik yang terkini mengikut perkembangan kreativiti pelajar. Menyokong industri 4.0, modul-modul ini selaras penggunaan MOOC untuk program perpindahan kredit.



AUDIT MQA

Oleh : Dr. YM Raja Iskandar Bin Raja Halid

Satu lawatan audit akreditasi penuh oleh panel MQA telah diadakan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan pada 25 dan 26 November 2018. Lawatan ini adalah untuk menilai kesediaan FTKW untuk diberikan akreditasi penuh oleh MQA untuk dua program iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Seramai 5 orang panel telah hadir dan diketuai oleh Dr Chan Cheong Jan dari UPM. Lawatan telah dimulakan dengan sesi taklimat oleh Dekan FTKW Prof. Madya Ahamad Tarmizi Azizan di Bilik Mesyuarat Pejabat Pendaftar yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UMK, Prof Dato' Husaini Omar.

2018

Sesi lawatan diteruskan dengan temubual bersama pelajar dan staf diikuti dengan lawatan di sekitar bilik kuliah, bengkel dan makmal komputer. Di hari kedua, panel telah menilai fail kursus serta menemubual pensyarah yang dikenalpasti. Mesyuarat akhir telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antara-bangsa) Prof Mohd Rafi Yaacob. Secara keseluruhan Ketua Panel Penilai telah berpuas hati dengan persediaan dan kemudahan yang ada di fakulti. Namun, beberapa cadangan penambahbaikan telah diutarakan dan akan dikemukakan secara rasmi setelah laporan akhir siap.



Lawatan PENILAIAN AKREDITASI PENUH

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF (MQA/FA 11372)
DAN IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN (MQA/FA 11373)

25 & 26 NOVEMBER 2018
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN,
BACHOK

<http://ftkw.umk.edu.my> [@ftkwofficial](https://www.facebook.com/ftkwofficial)



Pembangunan imej korporat adalah kunci utama dalam sesuatu kejayaan kepada sesebuah perniagaan. Pembangunan imej korporat atau boleh kita sebut dengan nama lain iaitu penjenamaan juga tidak terlepas kepada sekecil-kecil perniagaan walaupun ianya gerai di tepi jalan. Penjenamaan yang dimaksudkan adalah suatu identiti kepada sesebuah syarikat yang mampu mencerminkan jenis perniagaan yang dijalankannya. Dalam proses menghasilkan penjenamaan tersebut, rekabentuk logo menjadi komponen utama dan teras kepada kekuatan sesuatu identiti sesebuah perniagaan.

5 Kriteria Utama dalam Menghasilkan LOGO yang berkesan

Oleh: Muhamad Izham Bin Zainulabidin

Sebuah logo yang baik mampu menyampaikan imej sesebuah perniagaan dan memberi tanggapan positif kepada pelanggan. Penghasilan logo yang baik perlulah hadir dengan gabungan kemahiran merekabentuk, pengetahuan dalam prinsip kreatif dan mahir dalam penggunaan perisian atau aplikasi. Dalam proses penghasilan logo tersebut sudah pasti ia memerlukan tempoh masa yang agak lama. Hal ini kerana, perancangan yang menyeluruh dengan menggunakan akal fikiran yang mendalam malah memerlukan sentuhan kreativiti yang hebat demi menghasilkan sesuatu logo yang berkesan dan bersesuaian dengan tujuannya. Jadi bagaimanakah caranya untuk menghasilkan logo yang berkesan? Disini, ingin saya kongsi 5 kriteria utama dalam proses menghasilkan sebuah logo yang berkesan:

1 Rekabentuk yang Ringkas

Logo yang ringkas sangat penting kerana ia mampu menyampaikan maklumat dengan jelas kepada pelanggan. Ini sangat membantu dalam mengenalpasti jenis perniagaan yang ditawarkan kepada pelanggan. Logo yang kompleks akan menyebabkan mesej lambat disampaikan malah boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna.

2 Rekabentuk Mudah Diingati

Berkait rapat dengan rekabentuk yang ringkas. Apabila sesuatu logo yang dihasilkan secara ringkas dan mudah untuk difahami, ianya akan memberi kesan yang baik kepada memori pelanggan. Pelanggan akan mudah untuk mengingat sesuatu identiti bagi sesebuah perniagaan tersebut dan akan disimpan dalam minda untuk suatu tempoh yang lama.

3 Rekabentuk Mampu Bertahan Lama

Rekabentuk yang mampu bertahan lama dalam konteks ini adalah merujuk kepada keupayaan sebuah logo yang dihasilkan yang mana mampu digunapakai walaupun berlaku beberapa perubahan aliran masa. Seperti kata pepatah melayu, Tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Ini menyatakan, logo tersebut seolah-olah tiada had masa dan tidak dimamah usia. Walaupun begitu, perubahan dengan skala yang kecil masih boleh dilakukan asalkan tidak merubah identiti asal sebuah logo.

4 Rekabentuk yang Dinamik

Rekabentuk dinamik yang dimaksudkan adalah keupayaan sebuah logo untuk digunapakai dalam apa jua jenis platform dan media penyampaian. Ia juga adalah rekabentuk yang beragam dan mesra guna. Logo yang dinamik perlulah fleksibel dan kebolehgunaannya mengikut kepelbagaian platform. Jika sebuah ciptaan logo kelihatan menarik ditempatkan pada kepala surat dan kelihatan agak teruk apabila dimuatkan dalam poster, ia pastilah bukan sebuah logo yang serba boleh malah ia adalah sebuah hasil yang tidak berkesan sebagai sebuah logo.

5 Rekabentuk yang Relevan

Setiap logo yang dihasilkan kebiasaannya mempunyai cerita yang tersendiri untuk disampaikan mengikut kepada jenis perniagaan yang ditawarkan. Ia bukan sekadar hasil gabungan beberapa bentuk dan garisan yang mampu membentuk sebuah karya grafik yang menarik. Logo yang baik dan berkesan mampu menyampaikan mesej kepada sasaran pasaran yang bersesuaian. Sebagai contoh, jika sesebuah syarikat tersebut menjalankan perniagaan barangan kanak-kanak, maka identitinya haruslah berfokuskan sasaran dari kalangan kanak-kanak.

Sebuah logo bolehlah diibaratkan seperti bayang-bayang kepada pemiliknya yang mana sentiasa mengikutinya walau kemana ia pergi. Jika petak bayangnya maka petaklah jua bentuk pemiliknya. Sekian, terima kasih.



XAD 2018

PROGRAM EXHIBITION & ASSESSMENT DAY , DAN MAJLIS PENGANUGERAHAN & PERASMIAN XAD 2018

Penulis : Cik Izati Nabila Bt Marzuki

Program ini merupakan program akademik bagi proses penilaian akhir yang wajib dihadiri dan diikuti oleh setiap pelajar di Jabatan Teknologi Kreatif pada akhir semester dan setara dengan Peperiksaan Akhir. Pelajar-pelajar akan dinilai berdasarkan hasil pembelajaran (Course Learning Outcome – CLO), pelaksanaan XAD adalah berdasarkan piawaian MQA yang menjadi keperluan sesebuah sistem penilaian. Program ini bertujuan untuk melengkapkan kursus tahun akhir dan seterusnya bagi melengkapkan syarat pelajar bergraduasi. Bagi XAD XIII pada kali ini, Cik Izati Nabila Bt Marzuki diberikan kepercayaan sebagai penyelaras bagi menyelaras program ini berserta dengan ahli jawatankuasa yang lain iaitu penglibatan pensyarah FTKW, staff bukan akademik dan juga pelajar.

Untuk sesi 2017/2018, Penilaian bagi XAD XIII telah pun berlangsung dengan jaya nya pada tarikh 25 sehingga 27 Jun 2018 dan pelajar tahun akhir 5 elektif di bawah Jabatan Rekabentuk Teknologi seramai 350 pelajar yang terlibat bagi sesi penilaian akhir ini. Bagi elektif Rekabentuk Produk sesi penilaian diadakan di Laman Monsoon, Komunikasi Visual di Laman Permai, Pengajian Skrin di Studio 3.1 dan 3.2, Seni Halus di Studio 4.2 dan 4.3 manakala bagi Tekstil Fesyen telah diadakan di Studio Gabungan.



Majlis perasmian Majlis Penganugerahan telah berlangsung pada 25 Jun 2018 jam 8 malam bertempat di Laman Moonsun dan telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Husaini Omar, Naib Canselor UMK. Majlis penyampaian sijil dan cenderahati kepada pihak moderator dan juga pertunjukan fesyen oleh pelajar tahun akhir bagi elektif Tekstil Fesyen juga berlangsung pada malam itu. Antara anugerah yang telah berlangsung pada malam tersebut ialah pereka terbaik, tokoh keusahawanan, anugerah FINALE dan anugerah Dekan. Majlis perasmian dan makan malam tersebut adalah dibawah kelolaan Puan Nor Sofiatul Akma Bt Jamaludin dan bersama dengan penglibatan pensyarah yang lain sebagai ahli jawatankuasa bagi kejayaan program ini. Sidang media juga telah berlangsung pada malam tersebut bagi menghebahkan mengenai pelaksanaan program XAD XII 2018, antara pihak yang terlibat adalah daripada UMK TV dan juga Sinar Harian. Majlis diteruskan dengan persediaan pada 26 Jun iaitu keesokan harinya, penilai jemputan daripada industri dan akademik telah dijemput bagi menilai pelajar tahun akhir.



Keseluruhannya, laporan bagi Exit Meeting XAD XIII 2018 memberikan impak yang positif. Secara keseluruhannya, kursus design methodology telah distrukturkan semula, kelebihan yang ada di fakulti FTKW ini kerana penghasilan produk bukan semua bermula dari A ke Z, tetapi ada yang disebaliknya ia bergantung kepada kreativiti pelajar itu sendiri. FTKW juga perlu menetapkan peraturan pemilihan pelajar mengikut bidang elektif yang ditawarkan oleh fakulti supaya bilangan pelajar dalam setiap elektif seimbang, disamping itu juga kemahiran soft skill kepada pelajar perlu dipertingkatkan lagi. Pandangan para moderator telah diambil maklum oleh semua pihak FTKW agar program XAD yang berikutnya dapat dijalankan dengan lebih baik.

CREATEPRO@2018

FTKW, UMK & FAR, SSRU
31 March – 7 April 2018

By Dr.Kanit Sripaoraya

CREATEPRO@2018 FTKW, UMK & FAR, SSRU is an academic mobility program which derived from words CREATIVE TRANSFER PROGRAM, aims to create professional in short period. This program was originally created by Faculty of Creative, Technology and Heritage (FTKW), University Malaysia Kelantan (UMK). For this time, Faculty of Fines and Applied Arts (FAR), Suan Sunandha Rajabhat University (SSRU), Bangkok Thailand is collaborated. The purpose of this program is to exchange the cultural performance between central Thai and Malay through the real experience as 'active-learning process' for the subject of SPR3132 Tarian Asia Tenggara which conducted by Dr.Kanit Sripaoraya. In this program, Thai students from FAR,SSRU have learned Joget and Zapin dance by Dr.Kanit Sripaoraya while Malay students have been trained Thai Glong-yaww and Foon Kan Dok from SSRU team led by Dr. Phakamas Jirajarupat (Kru Tan), Mr. Whutthichai Khathawi (Kru Wutt) and Miss Ratiphat Siriphong (Kru Pleang).

After the opening speech by Assistant Prof. Dr. Chutima Maneewattana, Dean FAR and Assoc. Prof. Ahamad Tarmizi Bin Azizan, Dean FTKW, UMK, the cultural performance from both universities are demonstrated. The first workshop started with the introduction to Thai and Malay dance followed by the workshop of theatrical puppet performance from 'Hun Lakon Lek Joe Louis Theatre' which sponsored by FAR,SSRU.

"We accept your arrival with open heart especially to our faculty. Thailand and Malaysia has been long friends, apart from being neighbors, we shared our culture, way of life and art. Therefore, it was important for young people to understand and exchange cultures with each other. I hope the program will benefit both parties, as well as to arts, education and the country..."

The opening speech by
Assistant Prof. Dr. Chutima Maneewattana, Dean FAR
2nd April 2018

During the four days of program, FTKW students have gained lot of knowledge about the different styles of Thai dance. They understand the meaning of dance movements which reflect to Thai people and culture. On the other hand, FAR students have got a chance to learn the aesthetic of Malay traditional dance which presents gracefully the concept of 'Malayness' through basic movements of Malay dance. Besides, with the strongly support by FAR, SSRU, our Malaysian teams had the great chance to watch the 4D fantasy lived performance called 'Himmaphan Avatar' at Show DC, Bangkok which again sponsored by FAR,SSRU.

CREATEPRO@2018 has successfully finished by the performance showcase. Students from both SSRU and UMK present what they have learned as a result of this workshop through the impressive performance. It can be said that this program has been successfully completed because of the supportive from Dean FTKW, UMK and FAR, SSRU. Hopefully, this collaboration among these two universities will be continued for raising up the understanding with the appreciation of the different of culture for both countries.



CREATEPRO@2018

FTKW-CommSci, PSU | FTKW-FAR, SSRU

LAPORAN WOW FAKTOR FTKW, UMK BAGI TAHUN 2018

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN CREATEPRO 2018 KE COMMSCI, PSU PATTANI

Oleh: Md Ariff Bin Ariffin

Creative Transfer Program atau CreatePro di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan adalah sebuah program mobiliti yang telah melibatkan pelajar-pelajar daripada FTKW dan Faculty of Communication Science (CommSci), Prince of Songkla University, Pattani Thailand. Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kebudayaan dan warisan kedua-dua negara disamping mempraktikkan kemahiran teknologi kreatif menerusi fotografi dan videografi yang dipelajari oleh pelajar sepanjang program dengan bantuan pensyarah yang terlibat.

Program Mobiliti Pelajar dan Staf atau lebih dikenali dengan nama Creative Transfer Program (CreatePro@2018) merupakan kesinambungan daripada CreatePro@2015 yang telah diadakan di Institut Teknologi Bandung (ITB) Indonesia pada bulan November 2015 yang lalu. Kemudian sekali lagi program ini telah diadakan dengan dikenali sebagai CreatePro@2016 di Faculty of Communication Science, Prince of Songkla University, Pattani, Thailand dan pihak fakulti serta pelajar mereka yang terlibat telah memberikan maklumbalas positif berkaitan program yang telah diadakan dan telah menghubungi pensyarah dan pelajar UMK yang terlibat menyatakan hasrat untuk mengadakan lawatan dan program kerjasama bersama Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan pada Semester Februari 2016/2017. Sehubungan dengan itu, pensyarah dan pelajar yang telah terlibat dalam program sebelum ini telah bersetuju untuk mengadakan CreatePro@2017 di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan dengan melibatkan pelajar-pelajar FTKW. Pada awal semester 2017/2018 juga telah diadakan program CreatePro@2018 buat kali kedua dengan kerjasama Prince of Songkla University. CreatePro@2018 bertempat sekali lagi di Faculty of Communication Science, Prince of Songkla University, Pattani, Thailand bertemakan ReLove. Program ini juga diadakan untuk merealisasikan impian Universiti Malaysia Kelantan yang ingin melahirkan graduan cemerlang dalam bidang akademik, keusahawanan dan industri kreatif. Program ini telah disertai oleh 25 orang pelajar dan 4 orang pensyarah pengiring dari FTKW. Program ini turut mendapat sokongan daripada Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang turut menghantar penyertaan seramai 11 pelajar bersama 4 orang pensyarah pengiring ke PSU, Pattani Thailand. Pada masa yang sama CreatePro@2018 turut melibatkan program di antara FTKW dengan Faculty of Fines and Applied Arts (FAR), Suan Sunandha Rajabhat University (SSRU), Bangkok Thailand.





ISONH 2018

**7TH INTERNATIONAL SEMINAR ON NUSANTARA HERITAGE (ISONH) 2018 :
“NUSANTARA HERITAGE: ROLES OF CULTURAL HERITAGE IN 4.0 INDUSTRIAL
REVOLUTION”.**

By Suraya Binti Sukri

The International Seminar on Nusantara Heritage (ISONH) 2018 is the 7th Seminar which was organised by the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan. It was an initiative taken by Associate Professor Ahamad Tarmizi bin Azizan (Dean of FTKW) with the involvement of several International Universities such as State University of Semarang (UNNES), National Academy of Arts and Heritage (ASWARA), Suan Sunanda Rajabhat University (SSRU), Bandung Institute of Technology (ITB), and Communication Faculty (COMMSCI) PSU, Thailand. This program is monitored by Prof. Dr Tjetjep Rohendi Rohendi who is the Founder of ISONH. Moreover, it had successfully gathered 120 participants and speakers from four countries (Thailand, Indonesia, Japan and Malaysia). Further, the program was funded by small grants from Japan Foundation Kuala Lumpur, Malaysia and few sponsors; among others Kelantan National Museum, Riz Design and TATI Skincare which is also an alumni of FTKW, UMK.

At this point, the program was aimed at gathering all stakeholders such as experts, educators, professionals and academics in one platform from around the world to share the latest developments and current issues in the Nusantara heritage. As such, this seminar is essential to create a more sustainable and knowledgeable society in the field of Nusantara heritage in driving research and development directed at the socio-economic of local communities globally. Among the objectives of the program were to assemble the old and new researchers involved in research on the Nusantara, providing a platform for researchers to share their experiences, ideas and contributions in the field of Warisan Nusantara, to continue the agenda in promoting research and innovation persisting towards commercialization, cultivating research and innovation and impacting locally and internationally.

The seminar was held on 23rd October 2018 (Tuesday) at Crown Garden Hotel, Kelantan Kota Bharu with the theme: "Role of Cultural Heritage in 4.0 Industrial Revolution". This seminar is desired to enhance the awareness and understanding of participants and presenter on subject matter through the platform provided. It is also expected to encourage and support researchers to share their experiences, ideas and research contributions in the area of Warisan Nusantara. Not only that, it is hoped to promote continuous research and innovation towards commercialisation. Also to improve the socio-economic progress and growth of society in solving social problems such as poverty, famine, loss of opportunity and so on. This is possible through "Heritage Tours" programs (prior the events starting from 21st - 22nd October 2018) which were offered to presenters to participants as an opportunity for them to visit selected heritage site in Kelantan which will also benefit the students via heritage tourism, eventually, encourage students to start up company (CAC).



Moreover, it is planned to be as an impetus to students especially postgraduate students to produce quality scientific writing through knowledge sharing in scientific seminars. Eventually, promotes continuous research and innovation culture towards commercialisation that has a high impact locally and internationally. For these reason, it is hoped FTKW will lead an example in heritage practices and as a reference in heritage n creative technology in Kelantan and Malaysia respectively. On the whole perspectives, this effort will continue with FTKW 1st seminar known as International Conference on Creative Technology and Heritage (ICCTH) which will be held on 28 - 30 September 2019.

UNIT PENGURUSAN PERSEKITARAN, KESELAMATAN, & KESIHATAN PEKERJAAN (DOSH) @ FTKW

Penulis : En. Muhammad Hawari Berahim

LATAR BELAKANG

PENUBUHAN UNIT PENGURUSAN PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (UPPKKP) DI UMK

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP), Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar ditubuhkan berasaskan keputusan Mesyuarat Eksekutif Bil.42 pada 18 Mac 2009 yang memutuskan supaya Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan ditubuhkan. Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan ditubuhkan untuk mengurus aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Universiti bagi menepati keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Unit ini diletakkan di bawah Bahagian Keselamatan yang melakukan penguatkuasaan dan pemantauan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di universiti. Pada 8 Jun 2009 Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Induk Universiti ditubuhkan dengan melantik Ketua PTj dan Dekan sebagai Wakil Majikan,

Pendaftar sebagai Setiausaha dan Y.Bhg Prof Dato' Naib Canselor sebagai Pengerusi Jawatankuasa.

Mengambil prinsip pencegahan lebih baik dari mengubati dimana hiraki kawalan risiko hazard menyatakan pendekatan terbaik untuk mengatasi permasalahan berkaitan keselamatan, kesihatan dan persekitaran perlu ditangani pada peringkat awal.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) yang bersidang pada 19 Jun 2014 telah meluluskan cadangan Penjenamaan dan Penstrukturan Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP). UKKP dikeluarkan daripada Bahagian Keselamatan dan menjadi salah satu Unit di bawah Pejabat Pendaftar dengan penjenamaan dari segi nama di tukar kepada Unit Pengurusan Persekitaran, Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (UPPKKP) dan Ketua Unit terdiri daripada Pensyarah Kanan.

BIDANG TUGAS

Berfungsi sebagai penasihat kepada pihak Universiti dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melalui bantuan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Induk Universiti dan lain-lain jawatankuasa.

Bertindak sebagai sekreteriat Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Induk Universiti bagi menjalankan aktiviti yang telah dirancang dan dibincangkan oleh jawatankuasa.

Membantu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melakukan penyiasatan sekiranya berlaku sebarang kemalangan di tempat kerja bagi mengenalpasti punca ianya berlaku serta berperanan sebagai pusat rujukan maklumat dengan mengumpul maklumat dan data-data berkenaan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.


PERINCIAN KUASA YANG DIBERIKAN KEPADA STAF UNIT PENGURUSAN PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (UPPKKP)

Kuasa untuk memasuki, memeriksa, meneliti, membuat siasatan, membuat kompaun terus, menyita dan menutup pada siang hari atau malam hari mana-mana permis / bangunan / kawasan / loji dan apa-apa bahagian darinya yang di bawah tanggungjawab Universiti dengan menggunakan apa-apa kaedah kemasukan, apabila mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa kerja atau proses atau keadaan atau loji mempunyai hazard yang berisiko kepada letupan, kebakaran, kematian, kecederaan serius kepada anggota badan, penyakit pekerjaan dan keracunan pekerjaan dengan mendapat atau tidak perlu mendapat kelulusan Y.Bhg. Datuk Naib Canselor secara lisan atau bertulis.

CARTA ORGANISASI
JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA (JKKP)
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UPPKKP@FTKW

Sejajar dengan penubuhan unit induk UPPKKP UMK, Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan juga mengambil langkah dengan arahan untuk menubuhkan unitnya sendiri bagi memantau dan membantu unit induk. Dalam tahun 2014, En. Tehn Hock Kuan telah dilantik sebagai wakil pekerja mewakili FTKW ke jawatankuasa induk. Beliau memegang jawatan ini sehingga tahun 2017 dan meletakkan jawatan kerana menyambung pelajaran dan digantikan dengan En. Muhammad Hawari Berahim. Jawatankuasa di FTKW dipengerusikan oleh Dekan dan ahlinya merupakan kakitangan FTKW sendiri yang merujuk kepada wakil majikan dan wakil pekerja.



Pertandingan Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme (SoHELP) Fasa II 2017/2018

Pada 15 Mei 2018, FTKW telah dilawati oleh pasukan audit dari JKKP Kelantan bagi mengaudit Bengkel Kayu FTKW kerana penyertaan dalam pertandingan SoHELP Fasa II 2017/2018 peringkat Kelantan. Universiti Malaysia Kelantan melalui Bengkel Kayu FTKW telah memenangi 1st Best Practice in Kelantan dalam pertandingan tersebut.

Setelah memenangi anugerah di peringkat Kelantan, pihak JKKP Kelantan telah mencalonkan UMK menerusi UMK ke peringkat kebangsaan dan kita telah dinobatkan sebagai pemenang mengikut kategori anugerah di bawah Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2018. Anugerah akan disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, Menteri Sumber Manusia YB M. Kulasegaran dan Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Haji Mahfuz Bin Omar pada 27 Februari 2019 yang bertempat di Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA, Sepang.



KAEDAH INOVATIF PENGHASILAN PROSPEKTUS IDEA PENYELIDIKAN DAN INOVASI


Ts. Dr. Nik Zulkarnaen Khidzir & Ts. Dr. Khairul Azhar Mat Daud

Research Ideation Canvas © (RCI©) merupakan suatu inovasi kaedah kognitif bagi menstrukturkan idea penyelidikan dan inovasi secara sistematik. RCI© berfungsi untuk membantu penyelidik memaparkan idea penyelidikan yang kompleks secara visual. Idea, Strategi dan perspektif penyelidikan menjadi lebih terfokus dan mudah difahami apabila ia dizahirkan secara visual. Perkembangan pengetahuan yang dijalankan melalui aktiviti penyelidikan secara berterusan akan menghasilkan idea dan inovasi baru yang menyumbang kepada peningkatan pengetahuan baharu yang sedia ada. Oleh itu, kaedah pencambahan dan pengurusan idea menerusi pendekatan kreatif RCI© menyediakan elemen asas dan konsep untuk merangka perancangan penyelidikan dengan lebih strategic. Komposisi grafik visual seperti garis, kotak, anak panah, kotak, teks dan penjelasan yang terdapat dalam RCI© boleh diolah untuk menzahirkan aktiviti penyelidikan, proses penyelidikan dan struktur dokumen penyelidikan secara visual. Penghasilan idea asas propektus penyelidikan dan inovasi produk boleh di dokumentkan secara tersusun menggunakan RCI© untuk di kembangkan menjadi proposal lengkap penyelidikan dari masa ke masa secara berperingkat.

Research Ideation Canvas © (RCI©) diperkenalkan oleh Dr. Nik Zulkarnaen Khidzir dan Dr. Khairul Azhar Mat Daud setelah menjalankan penelitian dan analisis corak (pattern) penulisan tesis PhD dan Sarjana bagi mod penyelidikan bermula pada pertengahan tahun 2014.

Selain itu, penelitian penulisan juga dibuat pada kertas kerja dan laporan penyelidikan dalam pelbagai bidang. Berdasarkan hasil penelitian tersebut, mereka telah merumuskan secara umum bahawa proses penyelidikan dalam pelbagai bidang penyelidikan boleh divisualkan dalam bentuk kanvas. Setelah melalui hampir lebih 20 kali lakaran untuk mengillustrasikan proses penyelidikan secara umum, maka akhirnya kanvas RCI© dihasilkan.

RCI© kemudiannya di daftarkan di MyIPO dan telah mendapat hakcipta harta intelek pada tahun 2017. Produk inovasi Research Ideation Canvas © telah menerima pengiktirafan peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pertandingan penyelidikan dan inovasi seperti K-NOVASI, I-PHEX dan ITEX 2017. Tujuan asal inovasi ini dihasilkan adalah bagi membantu penyelidik muda yang baru memulakan kerjaya sebagai ahli akademik dan penyelidik, namun penggunaannya diperluaskan dan dipelbagaikan sebagai pendekatan yang efektif untuk mengkoordinasi proses pelaksanaan aktiviti penyelidikan. Kini RCI©mula mendapat sambutan positif dikalangan pereka, penyelidik dan pelajar Sarjana dan PhD di dalam dan luar negara.



RCI© terdiri daripada 13 sektor yang mewakili perancangan strategik setiap fasa dalam proses penyelidikan dan penghasilan tesis. Visualisasi idea penyelidikan dari perspektif strategik menjadi asas pembentukan RCI©. Research Ideation Canvas © boleh menjadi instrumen yang berguna untuk menterjemahkan idea penyelidikan yang rumit dan kompleks ke dalam bentuk konsep yang jelas dan tersusun dengan lebih mudah dan senang difahami. RCI© boleh digunakan sebagai panduan asas untuk merangka perancangan awal penyelidik menjalankan setiap aktiviti dalam fasa penyelidikan yang dijalankan.

MAKLUMBALAS

Research Ideation Canvas ©



Wan Safra Diyana
PhD Student

“ Research Ideation Canvas © is helpful in organizing ideas for developing reports (proposal, articles & thesis) to visualize the flow of information in clearer picture. Easy to use for brainstorming and may guide through the entire research process. ”



“ Research Ideation Canvas© could be the an alternative tool for novice researcher to strategize their research activities. The invention is Nobel idea whereby it's simplified the thought of researchers. ”

Prof. Ir. Dr. Zainai ”



“ Research Ideation Canvas© is a tool for strategic Planning for Researcher. It's practical and ease of use ”

Prof. Dr. Ibrahim B... ”



“ Research Ideation Canvas© could become an effective tool for postgraduate student and young researcher to stay focus in their study. Significant impact for supporting student Graduate-On-Time ”

AP. Dr. Seri Intan ”



“ Research Ideation Canvas© merupakan merupakan alat bantu pengajaran, pembelajaran dan penyeliaan pengajian pascasiswazah yang berkesan, pantas, mudah, sistematik dan fleksibel. ”

Prof. Abd. Jamal ”



Riki Norhakis
PhD Student

“ Research Ideation Canvas © provides useful guide for me to clearly understand my research direction in glance ”



“ Research Ideation Canvas© memberi impak kepada proses pembelajaran, pengajaran termasuk penyelidikan dan penyeliaan pelajar pascasiswazah. Kanvas ini juga sesuai digunakan bagi menghasilkan 'Blueprint' penyelidikan. ”

Dr. Hanizan, KUPTM ”



“ Research Ideation Canvas© is a great idea to present the complex research into structured way in the form of canvas. Research idea formulation and conceptualization become more easy. ”

AP. Dr. Zailani ”



“ Research Ideation Canvas© could assist Master and PhD student to strategize their research plan towards successful Master and PhD journey. ”

Dr. Ridzuan, IUMW ”

Impak Kemajuan Penyelidikan Pascasarjana dan Penyeliaan Pelajar PhD dan Master

Dapatan penyelidikan memberi kesan yang signifikan dalam proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pengawasan pascasiswazah. Ia boleh digunakan sebagai alat sokongan untuk membantu calon pelajar Doktor Falsafah (Ph.D) dan pelajar Sarjana (mod penyelidikan) merangka pelan penyelidikan dengan berkesan.

- Menggalakkan penyelidikan dan strategi inovasi Berfikir
- Pendekatan Sistematik untuk Perancangan Strategi Aktiviti penyelidikan
- Memahami gambaran keseluruhan proses penyelidikan dengan jelas.
- Merungkai kerumitan idea penyelidikan
- Membantu Pelajar untuk lebih terfokus dengan penyelidikan.
- Membantu pelajar menentukan skop Penyelidikan dengan lebih berkesan
- Meminima jurang komunikasi antara Penyelia dan Pelajar

Impak Research Ideation Canvas © dalam Penyelidikan

RCI© juga menyumbang kepada amalan terbaik untuk mentadbir sebuah penyelidikan bagi mendapatkan hasil yang bermutu. RCI© direkabentuk bagi membantu penyelidik, terutamanya penyelidik muda untuk mentadbir dan mengkoordinasi penyelidikan dengan berkesan. RCI© juga berfungsi untuk membantu pelajar menyediakan laporan penyelidikan, tesis atau disertasi pelajar dengan lebih berstruktur.

- Berupaya untuk merekabentuk perancangan penyelidikan dengan lebih baik
- Meningkatkan motivasi pelajar atau penyelidik muda untuk membuat penyelidikan dengan lebih teratur dan bersistematik
- Berupaya untuk melaksanakan projek penyelidikan berpanduan garis panduan manual yang dizahirkan dalam bentuk manual berilustrasi

TAKWIM PROGRAM &

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	PIC
JANUARI			
1.	9 Jan	Kursus Laman Web Fakulti	En. Najibul Muthie bin Che Ya'cob
2.	18-19 Jan	Bengkel Retreat FTKW 2019	Penolong Pendaftar
3.	30 Jan	Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Program Perdana 3+1 FTKW	En. Mohd Hilmi bin Harun
FEBRUARI			
2.	21-23 Feb	Bengkel Pemantapan Pengurusan dan Pentadbiran FTKW	Penolong Pendaftar /Dekan
3.	21-23 Feb	Penyertaan Pertandingan Pengkhitirafan Myra (MTE 2019)	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
4.	26 Feb	Bengkel Penyediaan Fail Kursus Bil 1/2019	Jabatan Rekabentuk Teknologi Kreatif
MAC			
1.	05 Mac	Program Ceramah Dan Penilaian Geran Proposal Penyelidikan Staf Akademik FTKW	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
2.	09-12 Mac	Malaysian Industrial Design Exhibition 2019	En. Mohd Hilmi bin Harun
3.	14-16 Mac	Kajian Lapangan Di Muzium Negeri Pulau Pinang	En. Azharudin bin Mappon
4.	18 Mac	Malam Muhibah Pelajar FTKW	Cik Nawwal binti Abdul Kadir
5.	19-25 Mac	Creative Transfer Programme (CREATEPRO)	En. Md Ariff bin Ariffin
6.	19 Mac - 19 Dis	Pertandingan Piala Seri Endon 2019	Cik Nawwal binti Abdul Kadir
7.	26 Mac	Bengkel Maklumbalas Dan Penyediaan Fk03 (Course Review) Bil 1/2019	Jabatan Rekabentuk Teknologi Kreatif/ Jabatan Pengajian Warisan
8.	Mac 2019	Heritage Uptown Carnival (HUTC)	Dr. Yuharis bin Ibrahim
9.	Mac 2019	Kajian Lapangan: Program Ke Syarikat Inspidea	En. Mohammad Dzulsyafiq/ Pn. Azlin Sharina
APRIL			
1.	1-30 Apr	FTKW Sport Festival	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar & Keusahawanan)
2.	2-6 Apr	Explorasi Warisan @ Xi'an, China	Cik Daeng Haliza binti Daeng Jamal
3.	4-7 Apr	Bengkel Warna Alam (Pelajar Tekstil Dan Konservasi)	Cik Nawwal binti Abdul Kadir
4.	4-8 Apr	Program Akademik dan Khidmat Masyarakat (PAKAT) di Padang, Indonesia	Pn. Farrah Atikah bin Shaari
5.	9-11 Apr	Lawatan Pusat Manuskrip	Dr. Nordiana binti Ab. Jabar
6.	11-14 Apr	Heritage Camp	Pn. Farrah Atikah binti Shaari
7.	16-18 Apr	Kursus Intensif Pelajar Lemah Pencapaian Akademik (HARDCORE) Bil.1/2019	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar & Keusahawanan)
8.	17 Apr	Kajian Lapangan ke Industri Batik di Kelantan	Cik Nawwal binti Abdul Kadir
9.	24-27 Apr	Kajian Lapangan Ke Industri Teknologi Tekstil di Kuala Lumpur/Terengganu	Cik Nawwal binti Abdul Kadir
10.	26-27 Apr	Kajian Lapangan: Eksplorasi Tefas (2019)	Pn. Sarah Wahida binti Hasbullah
11.	28 Apr	Bicara Arkeologi	Cik Daeng Haliza binti Daeng Jamal
12.	Apr 2019	Exchange Textile And Fashion, Fashion Show (Chulalongkorn University) -CREATEPRO	Pn. Nurul Ahdia binti Sulaiman
13.	Minggu ke-2	Bengkel Wayang Kulit Kelantan	PM Dr. Andika Aziz bin Hussin / Cik Daeng Haliza
14.	April 2019	Malam Muhibbah Pelajar FTKW 2019	Cik Nawwal binti Abdul Kadir
15.	Minggu ke-4	Pameran Kajian Dilapadasi Warisan	Pn. Farrah Atikah bin Shaari
16.	April 2019	Kajian Lapangan: Program Di Google Inc Kuala Lumpur	Dr. Tg. Fauzan binti Tg. Anuar
MEI			
1.	2-4 Mei	Penyertaan Pertandingan Pengkhitirafan Myra (ITEX 2019)	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
2.	2 Mei	Taklimat Persediaan Ke Latihan Industri	Penyelaras Latihan Industri
3.	6 Mei	Bengkel Harta Intelek	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
4.	20-21 Mei	Seminar Isu Semasa Dalam Teknologi Kreatif	Jabatan Rekabentuk Teknologi Kreatif
5.	Mei 2019	Program Lawatan Peruncitan (Trade Market) Kursus Peruncitan Ke China/ Vietnam/ Indonesia/ Korea	Cik Aishah binti Attaulah/ Cik Nawwal binti Abdul Kadir
6.	Mei 2019	Pameran Pelajar Seni Halus	En. Azharudin bin Mappon/ Dr. Yuharis bin Ibrahim/ En. Muhammad Hawari bin Berahim
JUN			
1.	10-17 Jun	Pameran Degree Show UPM	Dr. Hana Yazmeen
2.	16 Jun	Program Hari Pameran Dan Penilaian XIII (Exhibition And Assessment Day) Semester Februari Sesi Akademik 2018/2019 Pelajar FTKW	Jabatan Rekabentuk Teknologi Kreatif
3.	19-27 Jun	Program Hari Pameran Dan Penilaian XIII (Exhibition And Assessment Day) Semester Februari Sesi Akademik 2018/2019 Pelajar FTKW Di Indonesia	Cik Nawwal binti Abdul Kadir
4.	20 Jun - 4 Jul	Program Art Project Antara Pensyarah di Universiti France, Sung Kyu Kwon South Korea	En. Azharudin bin Mappon
5.	Jun 2019	Bengkel Pemantapan Akademik FTKW 2019	Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa)
6.	Jun 2019	Bengkel Pembangunan MOOC Fakulti 2019	Penyelaras MOOC
7.	Jun 2019	Seminar Isu Semasa Dalam Warisan	Jabatan Pengajian Warisan
JULAI			
1.	1-2 Jul	Seminar "Effective Research Delivery For Individual And Institutions"	Dr. Nik Shahman bin Nik Ahmad Ariff
2.	1 Jul	Mitos Dan Realiti (M&R) Siri 1/2019	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
3.	24-25 Jul	Penyertaan Pertandingan KIK MPC (Peringkat Wilayah)	En. Najibul Muthie bin Che Ya'cob

AKTIVITI FTKW 2019

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	PIC
OGOS			
1.	13-16 Ogos	Penyertaan Pertandingan KIK UA (Peringkat UA)	En. Najibul Muthie bin Che Ya'cob
2.	15-20 Ogos	Program Akademik, Seni dan Budaya di Universiti Malang dan Sekitar Studio Artis di Negeri Malang, Indonesia.	En. Muhammad Hawari bin Berahim
3.	18-22 Ogos	Program Aplikasi Peruncitan (Trade Market) di Lapangan Kursus Peruncitan ke China/ Vietnam/ Indonesia/ Korea	Cik Nawwal binti Abdul Kadir
4.	20-22 Ogos	Bengkel Pemurnian Dan Penerbitan Semasa Dalam Teknologi Kreatif Dan Warisan	Dr. Nordiana/ Cik Daeng Haliza binti Daeng Jamal
5.	Minggu ke-2	Program Mobiliti Pelajar Projek Akademik & Khidmat Masyarakat 10 2019 (PAKAT 10@2019)	Dekan
6.	Ogos 2019	Bengkel Semarakkan Jiwa FTKW (Team Building)	Penolong Pendaftar /Dekan
7.	Ogos 2019	Transfer Knowledge Peringkat Antarabangsa (Jepun/Bangkok/Korea/Singapore)	Dr. Nik Shahman bin Nik Ahmad Ariff
SEPTEMBER			
1.	1-4 Sept	Street Art	En. Azharudin bin Mappon/ Dr. Yuhani bin Ibrahim
2.	5 Sept	Let's Get Together (G2g) 2019	Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) / Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar & Keusahawanan)
3.	11 Sept	Majlis Amanat Dekan Sesi Feb 2019/2020	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar & Keusahawanan)/ Cik Nawwal binti Abdul Kadir
4.	12-13 Sept	Penyertaan Pertandingan Pengikhtirafan Myra (IUCEL 2019)	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
5.	15-19 Sept	Hari Keusahawanan FTKW 2019/ Creative Entrepreneurship Week 2019 (CREW)	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar & Keusahawanan)/ Cik Nawwal binti Abdul Kadir
6.	17-19 Sept	Kursus Intensif Pelajar Lemah Pencapaian Akademik (HARDCORE) Siri 2/2019	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar & Keusahawanan)
7.	27-30 Sept	International Conference On Creative Technology & Heritage (ICCTH)	Dekan/ Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
8.	Sept 2019	Bengkel Penyediaan Fail Kursus Bil 2/2019	Jabatan Pengajian Warisan
9.	Sept 2019	Bengkel Maklumbalas Dan Penyediaan FK03 (Course Review) Bil 2/2019	Jabatan Pengajian Warisan
OKTOBER			
1.	Okt 2019	Festival Kesenian Warisan Kelantan 2019	Dr. Tsuji
2.	13-17 Okt	Kuala Lumpur Furniture Design Week 2019	En. Mohd Hilmi bin Harun
3.	7-9 Okt	Penyertaan Pertandingan Pengikhtirafan Myra (PECIPTA 2019)	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
4.	15 Okt	Pameran Pelajar Seni Halus	En. Azharudin bin Mappon/ Dr. Yuhani bin Ibrahim/ En. Muhammad Hawari bin Berahim
NOVEMBER			
1.	1 Nov	Bengkel Retreat FTKW 2020	Penolong Pendaftar
2.	2 Nov	Malam Sireh Pulang ke Gagang (Alumni FTKW)	Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar & Keusahawanan)
3.	4 Nov	Mitos Dan Realiti (M&R) Siri 2/2019	Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)
4.	4 Nov	Pameran Kajian Dilapadasi Warisan	Pn. Farrah Atikah bin Shaari
5.	13-15 Nov	Penyertaan Pertandingan KIK MPC (Peringkat Nasional)	En. Najibul Muthie bin Che Ya'cob

MESYUARAT UTAMA FTKW 2019

JANUARI							FEBRUARI							MAC							APRIL							
A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	
			1	2	3	4							1	2							1	2						
6	7	8	9	10	11	12	3	4	5	6	7	8	9	3	4	5	6	7	8	9	7	8	9	10	11	12	13	
13	14	15	16	17	18	19	10	11	12	13	14	15	16	10	11	12	13	14	15	16	14	15	16	17	18	19	20	
20	21	22	23	24	25	26	17	18	19	20	21	22	23	17	18	19	20	21	22	23	21	22	23	24	25	26	27	
27	28	29	30	31			24	25	26	27	28			24	25	26	27	28	29	30	28	29	30					
MEI							JUN							JULAI							OGOS							
A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	
				1	2	3	30						1			1	2	3	4	5	6					1	2	3
5	6	7	8	9	10	11	2	3	4	5	6	7	8	7	8	9	10	11	12	13	4	5	6	7	8	9	10	
12	13	14	15	16	17	18	9	10	11	12	13	14	15	14	15	16	17	18	19	20	11	12	13	14	15	16	17	
19	20	21	22	23	24	25	16	17	18	19	20	21	22	21	22	23	24	25	26	27	18	19	20	21	22	23	24	
26	27	28	29	30	31		23	24	25	26	27	28	29	28	29	30	31				25	26	27	28	29	30	31	
SEPTEMBER							OKTOBER							NOVEMBER							DISEMBER							
A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	
1	2	3	4	5	6	7			1	2	3	4	5							1	2	3	4	5	6	7		
8	9	10	11	12	13	14	6	7	8	9	10	11	12	3	4	5	6	7	8	9	8	9	10	11	12	13	14	
15	16	17	18	19	20	21	13	14	15	16	17	18	19	10	11	12	13	14	15	16	15	16	17	18	19	20	21	
22	23	24	25	26	27	28	20	21	22	23	24	25	26	17	18	19	20	21	22	23	22	23	24	25	26	27	28	
29	30						27	28	29	30	31			24	25	26	27	28	29	30	29	30	31					

- Mesyuarat J/Kuasa Pengurusan Fakulti (JKPF)
- Mesyuarat J/Kuasa Kewangan Fakulti
- Mesyuarat J/Kuasa Pra & Pasca Siswazah Fakulti
- Mesyuarat J/Kuasa Peperiksaan Fakulti
- Mesyuarat Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
- Mesyuarat J/Kuasa Penyelidikan & Inovasi Fakulti

MENYELAMI STAILISTIK FILEM HANG TUAH (1956)

Pengaruh asing yang meresap dalam acuan filem Melayu tanpa disedari telah memakan masa kira-kira 80 tahun sejak 1930-an. Perkara ini bukan sahaja berlaku terhadap genre filem yang berunsurkan percintaan seperti kebanyakan filem era Studio Jalan Ampas tetapi juga filem bertemakan komedi, aksi, sejarah dan adaptasi. Perubahan juga turut berlaku dalam konteks penerbitan filem iaitu tenaga produksi yang digunakan seperti penerbit, pengarah serta penyunting. Aspek ini adalah antara elemen awal yang dibawa masuk ke tanah Melayu untuk membawa pengaruh asing dalam acuan filem Melayu pada era 1930-an. Namun, pada era 2000 haluan tersebut telah berubah di mana, pengaruh asing yang wujud dalam filem Melayu itu sendiri telah dihasilkan dalam kalangan tenaga produksi tempatan. Kemasukan pengaruh asing secara meluas dalam filem-filem Melayu bukan sahaja menyebabkan berlakunya perubahan gaya pembuatan filem, tetapi turut memberi kesan terhadap elemen seperti tema, struktur naratif, penggunaan stailistik seperti nyanyian, tarian, gaya lakonan, teknik aksi perlawanan, teknik penceritaan, muzik dan gaya suntingannya. Perkara sama turut berlaku terhadap filem adaptasi tanah air yang mana mengangkat watak kepahlawanan Melayu dalam penceritaannya seperti *Hang Tuah* (1956) arahan Phani Majumdar. Walaupun filem ini mula ditelan usia, namun sebenarnya *Hang Tuah* (1956) merupakan sebuah filem yang merentas Tanah Melayu dan juga Asia khususnya dalam aspek stailistiknya. Maka disebabkan itu, artikel ini cuba berkongsi bagaimana stailistik filem *Hang Tuah* (1956) mampu mencapai tahap yang sedemikian tinggi.

Elemen tarian adalah salah satu stailistik filem India yang mampu dilihat dalam *Hang Tuah* (1956). Stailistik ini mampu dilihat semasa Melor menari bersama penari-penari yang lain di Gunung Ledang dan *Hang Tuah* menari beramai-ramai dengan lagu joget Pahang. Tarian merupakan sejenis gerakan yang berirama dan menjadi salah satu budaya dalam kehidupan masyarakat di India. Tarian juga menjadi satu strategi dalam model pembuatan filem India dan sentiasa dikekalkan dalam kebanyakan filem Melayu

pada era 1940-an sehingga 1950-an. Tarian juga kebiasaannya diikuti oleh nyanyian dalam amalan filem India. Perkara ini disebabkan oleh nyanyian adalah unsur yang sangat penting dalam cerita dan lakonan serta menjadi tradisi filem India terutamanya filem Hindustan. Unsur nyanyian ini mula diterapkan oleh pengarah India ke dalam filem Melayu sejak era 1940-an. Bermula sebelum Perang Dunia Kedua, muzik dan nyanyian adalah perkara yang tidak dapat dipisahkan apabila memperkatakan tentang filem Melayu klasik. Ia juga merupakan pakej persembahan filem Melayu klasik atau filem Melayu hitam putih.

Penggunaan sistem penggambaran dalam studio memaparkan model pembuatan filem Hollywood. Perkara ini dapat dilihat semasa bermulanya studio filem pertama di dunia dibina pada tahun 1893 di New Jersey, United States America yang dikenali sebagai Black Maria oleh Thomas Edison. Studio ini telah menghasilkan ratusan filem pendek yang bersifat tanpa plot seperti klip perlawanan tinju, tukang gunting rambut, artis trapeze dan tukang besi. Dalam filem *Hang Tuah* (1956), hampir keseluruhan lokasi penggambaran adalah dijalankan dalam studio Malay Film Production (MFP) di Jalan Ampas melalui pembinaan set-set seperti perkampungan *Hang Tuah* lima bersaudara, kolam pertemuan *Hang Tuah* dan *Melur* serta gua *Gunung Ledang*. Pada tahun 1912, penggunaan dolly in dan dolly out mula diperkenalkan oleh Oscar Apfel dalam filemnya yang bertajuk *The Passer-By* terbitan Syarikat Edison (Logan, 2018). Teknik dolly in iaitu menggerakkan kamera ke hadapan bagi menghampiri subjek manakala dolly out pula menggerakkan kamera ke belakang supaya menjauhi subjek. Teknik dolly in digunakan untuk melahirkan kesan keberadaan penonton bersama-sama dengan watak, penekanan terhadap sesuatu perkara dan mampu memberi keintiman kepada penonton untuk merasai apa yang sedang dihadapi oleh watak. Sedangkan dolly out pula mampu menghasilkan ketegangan emosi yang tinggi khususnya babak pengasingan atau pemisahan. Melalui dolly out juga, penonton dapat melihat setting dan lokasi persekitaran dalam babak bagi merasai kedudukan sesuatu watak. Teknik ini juga turut diaplikasikan semasa *Hang Tuah* berjumpa dengan *Melur* di sebuah kolam bagi mengakhiri adegan perpisahan mereka.

Hang Tuah (1956) turut menggunakan teknik pencahayaan two point lighting semasa Hang Tuah bersaudara duduk bersama bagi membincangkan impian mereka untuk menuntut ilmu persilatan bersama Adi Putera di Gunung Ledang. Teknik ini merupakan stailistik dalam model pembuatan filem Hollywood. Bermula pada tahun 1905 di mana syarikat perfileman besar di Hollywood seperti Edison, Vitagraph dan Biograph mengeksploitasi sistem pencahayaan kreatif. Melalui eksploitasi yang dijalankan, banyak penemuan telah diperolehi dalam sistem pencahayaan filem di Hollywood seperti sistem two point lighting dan three point lighting. Sistem two point lighting menggabungkan elemen key light (pencahayaan utama) dan fill light (pencahayaan pengisian), manakala three point lighting menggunakan key light, fill light dan backlight (pencahayaan belakang). Sementara itu, babak Adi Putera menunjukkan ruangan yang terdapat dalam gua Gunung Ledang pula menggunakan low key sebagai gaya pencahayaannya. Penggunaan low key juga adalah gaya pencahayaan dalam model pembuatan filem Hollywood terutamanya berunsurkan seram dan penyiasatan atau noir.

Bagi aspek penyuntingan pula, secara keseluruhannya naratif Hang Tuah (1956) mengaplikasikan teknik slow cutting. Teknik penyuntingan slow cutting adalah salah satu teknik penyuntingan yang memaparkan peralihan dengan durasi yang lama antara syot ke syot. Teknik penyuntingan ini dijadikan sebagai satu gaya dalam suntingan filem Hollywood pada era 1930-an sehingga 1960-an. Antara pelopor filem yang terkenal menggunakannya di Barat ialah Jean Renoir and Carl Dreyer (Eropah), Orson Welles dan William Wyler (Amerika) manakala di Jepun iaitu Kenji Mizoguchi. Walaubagaimanapun, teknik penyuntingan slow cutting yang dipaparkan dalam Hang Tuah (1956) berlainan dengan sistem di Hollywood. Perkara ini disebabkan oleh filem ini memaparkan ciri-ciri pementasan bangsawan melalui gaya susunan plotnya yang perlahan antara babak demi babak serta bersifat penekanan kepada unsur drama. Peralihan pengisian cerita juga disampaikan satu persatu mengikut kronologi menjadikannya lebih dekat dengan kriteria filem India. Tambahan pula, era 1940-an sehingga 1960-an memperlihatkan kelincahan industri perfileman Melayu dibawah pengarahannya India.

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa filem Hang Tuah (1956) memaparkan variasi stailistik dalam penghasilannya. Bukan sahaja membawa stailistik Melayu dalam aspek pemakaian, bahasa dan persilatan seperti yang ketara dalam ceritanya, namun turut mencerminkan gaya daripada filem India seperti tarian, nyanyian dan teknik suntingan slow cutting. Manakala stailistik filem Hollywood pula dapat dilihat melalui penggunaan elemen sistem studio, pergerakan kamera dolly out, sistem pencahayaan two point lighting dan low key.

Penulis : Fairuladlan Bin Hamadun





ETAK SALAI

MAKANAN WARISAN TRADISI

PENDUDUK DI NEGERI KELANTAN YANG MASIH TERPELIHARA

Ahamad Tarmizi Bin Hj. Azizan
Siti Norhayati Binti Shamsudin

Apa itu Etak ? Etak (sebutan dialek Kelantan sebagai Etok) atau nama saintifiknya *corbicula fluminea* , dikenali juga sebagai kijing atau remis. Etak merupakan spesies kerang-kerangan air tawar popular dan dijadikan makanan warisan di Negeri Kelantan.

Bertitik tolak dari keunikan warisan tidak ketara ini, sepasukan penyelidik dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang diketuai oleh Prof. Madya Ahamad Tarmizi Hj. Azizan yang juga Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, di bawah Skim Penyelidikan Trans Disiplinari (TRGS) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Aweng A/L Eh Rak, Dekan Fakulti Sains Bumi, Universiti Malaysia Kelantan, bersama-sama 5 orang penyelidik (staf akademik), seorang staf Pereka dan 3 orang pelajar pasca siswazah dari fakulti yang sama iaitu Dr Tg Fauzan Tg Anuar, Dr. Arief Datoem, Dr. Tsuji Syuji, Dr. Hana Yazmeen bt. Hapiz, Cik Syamimi, Cik Siti Norhayati Shamsudin, En. Mohd. Fariz Mohd. Zain, En. Zulkifli Abd. Rahim dan En Zaim Mohd Zaki sejak tahun 2016 telah menjalankan penyelidikan bagi projek untuk mendokumentasikan Etak Salai sebagai makanan warisan tradisi di Negeri Kelantan dan bagaimana warisan tradisi ini diperturunkan dari generasi ke generasi.

Penyelidikan ini bertujuan untuk mendokumentasikan kaedah penyediaan bekalan etak kepada peniaga Etak Salai. Untuk tujuan ini, seorang orang sumber (informan) telah dipilih untuk mendapatkan maklumat lanjut dan benar iaitu Ismail Bin Mat Diah atau dikenali dengan panggilan Pok Wel yang berusia 62 tahun, dari Bukit Temalong, Kg Gunong Bachok Kelantan yang ditemubual pada 17 April 2018.

Pok Wel telah terlibat dalam industri Etak Salai selama 20 tahun, di samping itu beliau turut menjadi pembekal etak kepada peniaga etak dan pengusaha Etak Salai.

Salah satu objektif penyelidikan adalah untuk mendokumentasikan proses penyediaan makanan warisan Etak Salai dari generasi ke generasi. Justeru, hasil kajian mendapati Mek Jah Sulaiman, 64, atau lebih mesra dipanggil Kak Jah, 64 tahun di Kampung Kok Keli, Tumpat, Kelantan juga mewarisi warisan tradisi perniagaan dan penyediaan Etak Salai ini daripada ibu dan nenek beliau sejak beliau berusia 35 tahun.

Kesimpulannya, dalam usaha meneruskan kelestarian warisan etak Salai Kelantan, kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan satu sumber ilmu pengetahuan kepada masyarakat dalam konteks pemindahan ilmu dan teknologi yang mana kajian ini boleh menjafi sebagai sumber rujukan kepada masyarakat, penyelidik, agensi kerajaan dan antarabangsa untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan baharu kepada masyarakat lokal dan antarabangsa agar makanan warisan etak salai ini dapat diiktiraf sebagai makan warisan secara lokal dan global seiring dan sesuai dengan peredaran zaman.



Electronic mail systems, commonly called 'e-mail' are becoming the methods of choice for communication. With the advent of the Internet, e-mail has become most well-known, easy – to- use and easily available application. Information that is sensitive and accessible is sent all the time internally as well as externally, ideas, contracts, product proposals, client lists and all kinds of sensitive and confidential data go through an e-mail, and yet people do not consider it as an important area to secure. There is no doubt that an e-mail, and yet people do not consider it as an important area to secure. There is no doubt that an e-mail has become a critical business tool for both internal and external communication; in fact, an e-mail has become one of the 'mission critical' applications in the digital era. However, most organizations underestimate the need to secure their e-mailing systems.

Let us take a look at how the e-mailing system works, often we do not worry about understanding what events might be taking place in the background once we have clicked the 'send' button. E-mail message are sent in the same way as most Internet data. When a user sends an e-mail message, it is first broken up by the transmission control protocol (TCP) into Internet protocol (IP) PACKETS. Those packets are then sent to an internal router. The router examines the destination address.

Based on the address, it decide whether the mail is meant for someone on the network, it may pass through a firewall. The firewall keeps track of message and data going in and out of the network to and from the internet. Once out on the Internet, the message is sent to an internet router. This router examines the destination address and determines where the message should be sent and then sends the message on its way. A gateway at the receiving network gets the e-mail message. This gateway uses TCP to reconstruct the IP packets into a full message. The gateway then translates the message into the protocol understood by the target network and sends it on its way.

Security of **ELECTRONIC MAIL SYSTEM**

by
Shekh Abdullah-
AL-Musa Ahmed

Again, depending on the receiver's organization policy, or the personal firewall installed on the user's machine, the message may required to pass through a firewall on the receiving network. The receiving network examines the e-mail address and sends the message to a specific mailbox. However an e-mail message is made up of binary data, usually in the American Standard Code for Information Interchange(ASCII) text format(i.e, ASCII describes the characteristics that the users can see on their computer screen).

Mail servers and clients can be vulnerable to events such as:

1. Social engineering (SoE) attacks that are directed to the mail server or its supporting network that can deny or hinder access to the mail server by valid users.
2. Sensitive information on the mail server may be disclosed or changed in an unauthorized manner.
3. A successful Social engineering (SoE) attacks on a mail server that can be used to gain an unauthorized access to resources elsewhere in the organization's computer network , including used passwords and other computers on the network.
4. Virus and other types of malicious code may distributed to computer throughout an organization via an e-mail.

The main objective of e-mail security are to ensure the following:

1. Non-repudiation , that is , the sender cannot deny sending the message at a later date , and the receiver cannot deny receiving it .
2. Message are read only by their intended recipients (integrity of the message).
3. Authentication of the source (i.e., the sender or sender network).
4. Verification of delivery.
5. Labeling of sensitive material .
6. Control of access(to-mails).

SEMINAR PRO GRAFIK



Program Seminar Pro Grafik ini bertujuan untuk memberikan pemindahan pengetahuan (knowledge transfer) mengenai bidang grafik dan memberi pendedahan tentang Industri Percetakan bagi para pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) disamping menjalankan aktiviti di luar daripada bilik kuliah. Keseluruhan keperluan program di taja oleh pihak penganjur.

Program Seminar Pro Grafik merupakan antara program yang dirancang oleh Kelab VCODE di bawah seliaan Dr Tengku Fauzan binti Tengku Anuar, Pensyarah Rekabentuk Komunikasi Visual dengan kerjasama pihak Ummah Advertising. Program ini diadakan selama satu (1) Hari di Dewan Akademi Ummah, Wisma Ummah, Kota Bharu, Kelantan yang melibatkan tiga puluh satu (31) orang peserta iaitu tiga puluh (30) orang mahasiswa dan seorang (1) orang pensyarah.



Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai bidang teknologi kreatif yang sangat luas dan perlu diterokai oleh para pelajar. Ianya turut membentuk jalinan hubungan di antara mahasiswa dengan pihak industri terutamanya dalam membentuk modal insan yang berkualiti, nilai moral dan kemahiran komunikasi.



Menerusi program ini, pelbagai input yang disampaikan dapat divisualkan selain menjadi tempat untuk perkongsian ilmu bagi para pelajar, ahli akademik dan profesional (Ummah Advertising). Justeru itu, beberapa objektif telah dikenal pasti seperti dapat memperkenalkan UMK secara amnya dan Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan secara khususnya. Menjadi platform untuk membantu meningkatkan daya kreativiti para mahasiswa melalui aktiviti yang telah dijalankan. Memberi pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang yang diceburi dan seterusnya memperkukuhkan transformasi modal insan mahasiswa UMK.

Memberi inisiatif baru kepada mahasiswa untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu melalui perkongsian ilmu dan pengalaman daripada para pensyarah dan golongan profesional yang selaras dengan perkembangan industri semasa. Melatih mahasiswa menghasilkan sebuah pameran hasil karya pelajar di penghujung semester.

Melahirkan lebih ramai usahawan percetakan di dalam dan di luar negeri Kelantan. Membuka peluang kepada pelajar yang ingin menceburi bidang percetakan. Percetakan merupakan alat komunikasi yang digunakan sejak beratus tahun dan berjaya menjadikan penyampaian maklumat massa lebih berkesan. Pelbagai produk percetakan yang melibatkan percetakan sama ada digital printing ataupun offset printing. Percetakan boleh dijadikan lubuk perniagaan sekiranya dimanfaatkan dengan sebetul-betulnya.

Melahirkan lebih ramai usahawan percetakan di dalam dan di luar negeri Kelantan. Membuka peluang kepada pelajar yang ingin menceburi bidang percetakan. Percetakan merupakan alat komunikasi yang digunakan sejak beratus tahun dan berjaya menjadikan penyampaian maklumat massa lebih berkesan. Pelbagai produk percetakan yang melibatkan percetakan sama ada digital printing ataupun offset printing. Percetakan boleh dijadikan lubuk perniagaan sekiranya dimanfaatkan dengan sebetul-betulnya. Matlamat utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan tentang peluang pekerjaan di kalangan pelajar.

Terdapat ramai mahasiswa yang menganggur dan tidak tahu akan peluang kerjaya mereka. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memupuk semangat keusahawanan di dalam diri setiap pelajar serta memupuk minat mereka untuk menceburi perniagaan dalam bidang percetakan. Walaupun mereka tidak mempunyai kemudahan seperti mesin, pihak Ummah Advertising akan membantu mereka dalam proses percetakan produk. Maklumbalas yang sangat memberangsangkan dan komitmen yang ditujukan daripada para pelajar membuktikan program ini sangat berjaya. Hasil karya pelajar yang terbaik pilihan juri Pereka Grafik Profesional iaitu En. Muhd Harith Ghazali dari Ummah Advertising merupakan satu pengiktirafan yang sangat bermakna bagi mereka. Semoga program seperti ini dapat di jalankan dengan lebih kerap untuk membentuk mahasiswa yang lebih yakin dan cemerlang!

Penulis :

Dr Tengku Fauzan Binti Tengku Anuar



PERTANDINGAN GRAFFITI ART CHALLENGE




Pertandingan ini disertai oleh pelajar-pelajar dan Dr Tengku Fauzan binti Tengku Anuar, Pensyarah Rekabentuk Komunikasi Visual, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Menerusi program ini, pelbagai input yang disampaikan dapat divisualkan selain menjadi tempat untuk perkongsian ilmu bagi para pelajar, ahli akademik dan profesional.

Sepanjang program ini berlangsung, para pelajar dapat mempelajari Teknik Graffiti dan Pewarnaan Mural dengan betul dari staf FTKW & para pelukis profesional tempatan untuk menghasilkan karya bermutu yang boleh di implementasi pada P&P. Ini selaras dengan perkembangan industri semasa. Selain itu, program ini merupakan platform untuk membantu meningkatkan daya kreativiti para mahasiswa melalui aktiviti yang dijalankan serta dapat meluaskan jalinan bersama pihak industri. Walaupun tidak mendapat tempat pertama, dua dan tiga. Ke dua-dua kumpulan wakil UMK mendapat tempat saguhati dengan masing-masing membawa pulang wang tunai sebanyak RM250 tiap kumpulan beserta sijil penyertaan.

Kami berharap agar program seperti ini lebih kerap di adakan kerana ianya sangat memberi kesan yang positif kepada para pelajar dan kakitangan, yang mana ia memberi pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang yang diceburi dan seterusnya memperkukuhkan transformasi modal insan mahasiswa UMK.

Penulis :

Dr Tengku Fauzan Binti Tengku Anuar





BENGKEL FOTOGRAFI – KELANTAN, NEGERI BERBUDAYA

OLEH DR TENGKU FAUZAN BINTI TENGKU ANUAR

Program Bengkel Fotografi – Kelantan, Negeri Berbudaya, bertujuan untuk memberikan pemindahan pengetahuan (knowledge transfer) mengenai warisan budaya, outdoor fotografi, eksperimenstasi visual dan juga memberi pendedahan tentang aktiviti serta budaya penduduk Negeri Kelantan bagi para pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) disamping menjalankan aktiviti di luar daripada bilik kuliah. Keseluruhan keperluan program di tanggung oleh peserta sendiri. Program ini adalah di bawah seliaan Dr Tengku Fauzan binti Tengku Anuar, Pensyarah Rekabentuk Komunikasi Visual dan melibatkan tiga puluh (30) orang mahasiswa dan seorang (1) orang pensyarah. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai bidang teknologi kreatif dan warisan yang sangat luas dan perlu diterokai oleh para pelajar.


Menerusi program ini juga, pelbagai input yang disampaikan dapat divisualkan selain menjadi tempat untuk perkongsian ilmu bagi para pelajar, ahli akademik dan profesional (DIGIMARC Network team). Justeru itu, beberapa objektif telah dikenal pasti seperti dapat memperkenalkan UMK secara amnya dan Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan secara khususnya. Menjadi platform untuk membantu meningkatkan daya kreativiti dan empati para mahasiswa melalui aktiviti yang telah dijalankan. Memberi pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang yang diceburi dan seterusnya memperkukuhkan transformasi modal insan mahasiswa UMK. Memberi inisiatif baru kepada mahasiswa untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu melalui perkongsian ilmu dan pengalaman daripada para pensyarah dan golongan profesional yang selaras dengan perkembangan industri semasa. Melatih mahasiswa menghasilkan sebuah pameran hasil karya pelajar di penghujung semester.

Maklumbalas yang sangat memberangsangkan dan komitmen yang ditujukan daripada para pelajar membuktikan program ini sangat berjaya. Hasil karya pelajar yang terbaik pilihan juri Jurugambar Professional iaitu En. Johan Arif Ismail dari DIGIMARC Network merupakan satu pengikliran yang sangat bermakna bagi mereka. Semoga program seperti ini dapat dijalankan dengan lebih kerap untuk membentuk mahasiswa yang lebih yakin dan cemerlang!



PENGAJIAN SKRIN HASILKAN 21 FILEM PENDEK

Sepanjang Semester September 2018



Siapa Lebih Bijak (2018) arahan Narresh

Semester September 2018/2019 yang bermula 10 September 2018 telah melabuhkan tirainya pada 17 Januari 2019 dan melengkapkan 14 minggu pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi semua pelajar Universiti Malaysia Kelantan secara umum dan para pelajar elektif Pengajian Skrin Tahun 2 dan Tahun 3 secara khusus. Manakala para pelajar Tahun 4 Pengajian Skrin sedang menjalani Latihan Industri melalui program 3+1 yang menempatkan mereka di industri selama 1 tahun. Bilangan pelajar Tahun 2 Pengajian Skrin adalah seramai 28 orang pelajar manakala pelajar Tahun 3 Pengajian Skrin adalah 26 orang pelajar.

Untuk semester September 2018, para pelajar Pengajian Skrin telah menghasilkan 21 buah filem pendek dalam tempoh 14 minggu yang membawa kepada purata 1.5 filem pendek untuk setiap minggu dan ini adalah satu pencapaian yang dapat dibanggakan. Pelajar Tahun 2 Pengajian Skrin telah menghasilkan sebanyak enam buah filem pendek untuk satu kursus yang diambil manakala pelajar Tahun 3 pula telah menghasilkan 15 buah filem pendek untuk tiga kursus.

Kursus yang diambil oleh pelajar Tahun 2 adalah SCD2013 Pengantar Pengajian Skrin yang dikendalikan oleh En. Hidayat bin Hamid. Kursus ini adalah satu kursus asas bagi semua

pelajar Pengajian Skrin dan menjadi platform pertama untuk mereka sebelum mengikuti kursus-kursus lain yang ditawarkan. Kursus ini telah memberi pendedahan kepada para pelajar berkenaan proses dan pengurusan sesebuah produksi skrin yang bermula dari peringkat pra-produksi sehingga peringkat pasca-produksi secara asas. Enam buah filem pendek telah dihasilkan mereka secara berkumpulan bagi kursus ini.

Manakala pelajar Tahun 3 pula mengikuti kursus SCA2043 Skrip dan Papan Cerita yang dikelolakan oleh Ts. Dr. Anuar bin Mohd Yusof, SCD3063 Suntingan Filem dan Video (En. Fairuladlan bin Hamadun) dan SCD3083 (Prof. Madya Dr. Andika Aziz bin Hussin). Kursus Skrip dan Papan Cerita adalah kursus yang mendedahkan para pelajar terhadap penulisan skrip yang baik disusuli dengan proses penghasilan papan cerita yang menjadi asas terhadap sinematografi dalam penghasilan sesebuah produk skrin. Sembilan filem pendek dihasilkan untuk kursus ini.

Kursus Suntingan Filem dan Video pula melengkapkan para pelajar dengan teori dan kemahiran teknikal dalam penyuntingan dan kursus Lakonan Skrin pula mendedahkan pelajar teori dan teknik lakon di hadapan kamera. Lima filem pendek dihasilkan untuk kursus Suntingan Filem dan Video manakala satu filem pendek untuk kursus Lakonan Skrin.



First Love (2018) arahan Vinoshini A/P Sasi

Kesemua filem pendek yang dihasilkan dilakukan sebagai satu tugas berkumpulan dan menjadi projek akhir bagi setiap kursus yang dinilai ketika minggu Exhibition and Assessment (XAD). Para pelajar telah bertungkus lumus dan memberikan usaha yang terbaik untuk penghasilan karya mereka. Filem-filem pendek yang dihasilkan bagi pelajar Tahun 2 adalah From Ipoh yang berdurasi selama enam minit, Pejuang Negara (9 minit 11 saat), Kotak (6 minit 30 saat), First Love (6 minit 16 saat), Akibat (4 minit 2 saat) dan Psycho (9 minit). Manakala filem-filem pendek pelajar Tahun 3 pula adalah Seuncang Padi (5 minit), Siapa Lebih Bijak? (3 minit), Peniup Seruling (3 minit), Isteri yang Bongkak (12 minit), Kisah 2 Si Pemuda (5 minit 59 saat), Pil Kuda (4 minit), Kalau Ayah Ada (3 minit), Perpaduan (5 minit), Sesat (3 minit), Home (3 minit), Gelap (5 minit), Kapcai Kental (5 minit), The Secret Temple (4 minit), Precaution 2.0 (3 minit) dan Bukan Gila (19 minit).



Pejuang Negara (2018) arahan Yatimy

Dengan kursus-kursus yang ditawarkan, tenaga pensyarah yang berpengalaman, pengalaman melakukan produksi skrin selama 4 tahun secara berkumpulan dan individu, para pelajar diharap mampu untuk terjun ke industri skrin (filem dan televisyen) dan memberikan impak selepas mereka tamat pengajian di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. 21 buah filem pendek para pelajar Tahun 2 dan Tahun 3 Pengajian Skrin telah dimuat naik ke saluran Youtube Pengajian Skrin supaya setiap warga fakulti dan masyarakat dapat menghayati karya-karya yang dihasilkan.

Penulis : Nik Ashri bin Nik Harun



EKSPORT FURNITURE EXHIBITION 2018

Eksport Furniture Exhibition telah berlangsung pada 9 hingga 12 Mac 2018 dan disertai oleh para pensyarah dan pelajar dari elektif Rekabentuk Perindustrian. Aktiviti ini memberikan pendedahan kepada pelajar tentang dunia industry dan memberikan pengalaman menguruskan persiapan tempat pameran. Selain daripada itu, peserta yang terlibat dalam pameran ini mendapat ilmu yang dikongsi oleh penceramah dari luar negara tentang rekabentuk perabot. Matlamat lain dalam pameran ini juga ialah dapat mengetahui permintaan dalam industri dalam skop rekabentuk perabot, dapat mengetahui tempat-tempat latihan industri untuk pelajar dan dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar ketika menerangkan tentang ciri-ciri rekabentuk perabot kepada pengunjung dalam dan luar negara. Melalui kaedah ini, para pelajar dapat meningkatkan cara berinteraksi pelajar dengan betul dan lancar.



KUALA LUMPUR FURNITURE DESIGN WEEK

Kuala Lumpur Furniture Design Week telah berlangsung pada 13 hingga 17 oktober 2018 yang telah dihadiri dan dirasmikan oleh YB Teresa Kok. Program ini telah disertai oleh para pensyarah dan pelajar dari elektif Rekabentuk Perindustrian. Seramai 27 orang pelajar telah terlibat dalam aktiviti ini. Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini antaranya ialah Design Talk with by Furniture Ikon Finalist 2018, Mobiliti Design Workshop, Design Contest and Art Performance dan Furniture Showcase.



PROGRAM KEMBARA WARISAN

KE LEMBAH BUJANG, KEDAH DAN PULAU PINANG

Kembara Warisan ini merupakan program melibatkan pelajar Elektif Warisan Budaya, Jabatan Pengajian Warisan (JPW), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi memenuhi syarat subjek Pemuliharaan Warisan Budaya (SCY3053). Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan secara langsung kepada pelajar mengenai pemuliharaan warisan sekaligus memupuk kesedaran mencintai khazanah warisan budaya negara. Selain itu, objektif penganjuran program ini adalah untuk membincangkan punca kerosakan (bangunan bersejarah) dan langkah pemuliharaan yang telah diambil oleh pihak bertanggungjawab. Program ini telah dijalankan pada 28 hingga 31 Oktober 2018 melibatkan 29 orang pelajar elektif Warisan Budaya, JPW, UMK diiringi 2 orang pensyarah elektif Warisan Budaya iaitu Dr. Norazlinda Mohamed Rosdi dan Cik Daeng Haliza Daeng Jamal.



Antara tempat-tempat yang dilawati di Kedah ialah Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kompleks Arkeologi Pengkalan Bujang dan Tapak Arkeologi Sungai Batu di Kedah. Manakala di Pulau Pinang pula, tempat yang dilawati ialah Penang Peranakan Mansion Museum, Masjid Kapitan Keling, Padang Kota Lama, Galeri Tunku Fauziah Universiti Sains Malaysia, Penang Malay Gallery atau Rumah Teh Bunga dan juga kawasan sekitar Georgetown bagi meninjau bangunan-bangunan bersejarah yang telah dipulihara dan digunakan semula. Program Kembara Warisan yang berlangsung selama 4 hari ini telah mendapat peruntukan daripada pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) merangkumi pengangkutan, insuran diri, penginapan dan pembelanjaan untuk makan dan minum.



KONSERVASI WARISAN

PROJEK PEMELIHARAAN RUMAH WARISAN, FTKW UMK

Projek Pemeliharaan Rumah Warisan bertujuan untuk mempertahankan khazanah rumah warisan yang perlu dipelihara secara berperingkat. Antara hasil projek ini adalah pelajar dapat mengkaji bangunan bersejarah yang harus dipelihara dan diselenggara dari semasa ke semasa untuk kepentingan generasi akan datang. Jadi, pelajar lebih mendekati secara mendalam dalam kajian yang dilaksanakan disamping dapat memartabatkan rumah warisan negeri Kelantan ke peringkat yang selayaknya dan juga memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga rumah warisan.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DI KEDAH DARUL AMAN

Lawatan ini telah diketuai oleh Puan Shahariah yang merupakan pensyarah Bidang Konservasi Warisan. Lawatan ini melibatkan pelajar Tahun 3 yang bertujuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang lebih luas di luar kampus. Melalui lawatan ini, pelajar telah didedahkan dengan pelbagai disiplin ilmu berkaitan Konservasi Warisan. Terdapat banyak juga tempat yang dilawati seperti Muzium Padi, Muzium Negeri dan lain-lain lagi.



ARKEOLOGI DAN PEMETAAN TERHADAP KUBU KEBAL ZAMAN JEPUN

Program ini diketuai oleh Puan Nur Athmar selaku pensyarah Kursus Pengantar Arkeologi. Program ini dijalankan pada minggu ke 6 dan ke 7 waktu pembelajaran dan merupakan kaedah pengajaran yang terbaik dimana pensyarah mengambil pendekatan pengajaran di luar kampus yang dapat memberi pendedahan baru serta lebih dekat dengan pelajar. Kawasan yang dikaji adalah di Kampung Pantai Melawi yang masih mempunyai peninggalan kubu kebal British pada zaman Jepun dan disertai oleh pelajar Tahun 2.

TAUTAN KASIH PELAJAR KONSERVASI WARISAN DI MASJID UMK KAMPUS BACHOK

Bagi mengeratkan hubungan ukhwah pelajar Konservasi Warisan, satu program Tautan Kasih telah diadakan. Program tautan kasih antara pelajar senior dan junior dimulakan dengan solat magrib dan isyak berjemaah di Masjid Kampus Bachok. Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dalam Konservasi Warisan.



HERITAGE AND CONSERVATION WORKSHOP 2018, ANJURAN GEORGE TOWN WORLD HERITAGE INCORPORATED, PULAU PINANG

Heritage And Conservation Workshop 2018 memberi kefahaman mengenai restoration, pembaikan, pengurusan bangunan warisan dan latihan teknikal bagi mengaplikasi bahan-bahan yang digunakan pada bangunan warisan seperti bahan kapur, kayu dan batu bata terutamanya bangunan bersejarah di George Town. Bengkel ini diwakili oleh Puan Farrah Atikah Binti Saari dan Encik Sahrudin Bin Mohamed Som.



EXPLORASI BUKIT MARAK, MENJEJAK PENINGGALAN PUTERI SAADONG

Explorasi ke Bukit Marak merupakan program yang julung kali diadakan mengabungkan pelajar teknologi kreatif dan pelajar warisan. Bagi pelajar Konservasi Warisan seramai 49 pelajar telah terlibat dalam pendakian itu. Di puncak bukit tersebut pelajar telah membuat kajian melalui subjek Konservasi Non Organik untuk merekod peninggalan Puteri Saadong. Explorasi ini memberi impak yang positif kepada semua pelajar terutama dalam menghargai khazanah warisan negara.



PROGRAM RAMAH MESRA PELAJAR TAHUN 3 DAN TAHUN 4 KONSERVASI WARISAN

Pada hari Sabtu bertarikh 27 November 2018, telah diadakan Program Ramah Mesra pelajar Konservasi Warisan. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk melakukan aktiviti yang telah dirancang. Program ini melibatkan pelajar Tahun 4 dan pelajar Tahun 3. Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memupuk semangat kesukanan dan kerjasama dalam berpasukan disamping dapat mengeratkan lagi hubungan dalam kalangan pelajar Konservasi Warisan.



PENILAIAN AKHIR KURSUS KAJIAN DILAPIDASI DAN DOKUMENTASI KAJIAN

Pada hari Isnin, 14 Januari 2019, Penilaian Akhir ini menggabungkan dua kursus iaitu di bawah penyeliaan Puan Farrah menerusi kursus Kajian Dilapidasi dan Encik Sahrudin menerusi kursus Dokumentasi Kajian. Panel yang dijemput bagi menilai hasil kerja pelajar ialah Dr Saiful dan Lar Ayub dari Fakulti Seni Bina dan Ekistik. Turut dijemput juga Dr Linda dan Cik Daeng Haliza dari FTKW. Penilaian akhir ini memberi impak yang positif kepada pelajar dan menunjukkan kebolehan pelajar dalam bidang yang dipelajari.

JAMUAN HARI RAYA ELEKTIF KONSERVASI WARISAN DAN PENILAIAN AKHIR KURSUS PAMERAN KOLEKSI

Jamuan Hari Raya Elektif Konservasi Warisan telah diadakan sempena merayakan sambutan Hari Raya Aidilfitri 2018. Bersempena dengan jamuan tersebut, turut diadakan penilaian akhir bagi kursus Pameran Koleksi yang turut diajar oleh Dr Tsuji. Pameran tersebut bertemakan batik yang mempamerkan koleksi batik, peralatan batik dan pelbagai lagi yang berkaitan dengan batik yang merupakan warisan negeri Kelantan.



ANUGERAH DEKAN BAGI PELAJAR ELEKTIF KONSERVASI WARISAN

Seramai 4 pelajar Bidang Elektif Konservasi Warisan telah menerima Anugerah Dekan kerana kecemerlangannya dalam akademik. Pelajar ini terdiri daripada pelajar Tahun 3 iaitu Fatin Fariah Binti Zainuddin, manakala pelajar tahun 4 terdiri daripada Ganesan a/l Velu, Muhammad Amir Bin Abdul Ghafar dan Siti Nuraishah Binti Jasman. Majlis Anugerah Dekan ini disusuli dengan makan malam bersama pelajar Tahun 1.



Jelajah Warisan Budaya Jogjakarta Indonesia 2018

Lawatan ke Universitas Gadjah Mada

Pada 28 Mac 2018, seramai 28 orang mahasiswa kos warisan budaya dan dua orang pensyarah pengiring iaitu Dr. Norazlinda Mohamed Rosdi dan Cik Daeng Haliza binti Daeng Jamal telah menganjurkan Program Jelajah Warisan Budaya Jogjakarta, Indonesia dan program ini berlangsung selama 6 hari 5 malam di Indonesia. Menurut ketua program (Amelia Sudan anak Anthony) merupakan mahasiswa elektif Warisan Budaya. Program ini dianjurkan berdasarkan mata pelajaran subjek Warisan dan Pelancongan. Rombongan dari Universiti Malaysia Kelantan membuat satu lawatan ke universiti tempatan iaitu Universitas Gadjah Mada (UGM).



Mahasiswa memantau kawasan sekitar candi Borobudur.

Candi Prambanan

Rombongan ini melawati tempat tinggalan sejarah seperti candi Borobudur, candi Prambanan, Keraton Ratu Boko dan muzium Ullen Sentalu. Sepanjang lawatan ke tempat bersejarah ini, mahasiswa turut di dedahkan sejarah pembinaan dan cerita disebalik candi-candi ini oleh pemandu pelancong.

Lawatan di muzium Ullen Sentalu pula lebih menceritakan kepada peninggalan sejarah berkaitan dengan Kerajaan Jogjakarta dan Solo. Dalam lawatan kali ini, mahasiswa didedahkan sistem pemerintahan kerajaan zaman dahulu




Muzium Mini Sisa Hartaku

Mahasiswa yang menyertai program ini turut terdedah dan mempelajari ilmu pergunungan di mana program ini terselit dengan lawatan ke Bunker Kaliadem iaitu di Gunung Merapi, Jogjakarta

Alam Kalibiru dan Goa Pindul

Aktiviti yang menguji fizikal dan mental sepanjang program ini di laksanakan iaitu aktiviti di Alam Kalibiru dan juga cave tubing di Goa Pindul. Aktiviti seperti ini amat menguji mental dan fizikal melalui penglibatan aktiviti yang lasak seperti wall-climbing, high rope, water tubing dan sebagainya.







KEUSAHAWANAN TERAS KAMI



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Karung Berkunci 01,
16300 Bachok,
Kelantan Darul Naim.

Tel : +609-779 7260
Faks : +609-779 7262